

UPM ceriakan 55 anak-anak yatim sambut Aidilfitri

KUALA LUMPUR - Rasa teruja menyambut Aidilfitri dirasakan 55 orang anak-anak yatim bekas kakitangan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila mereka dibawa membeli baju raya di pusat beli-belah Jakell Mall di Jalan Munshi di sini semalam.

Menerusi Program Semarak Putra Ramadan 2.0 itu, setiap daripada mereka menerima wang RM200 yang disumbangkan UPM untuk berbelanja.

Turut serta ialah 35 orang sukarelawan UPM yang membantu anak-anak yatim terbabit memilih dan mencuba baju raya pilihan masing-masing.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Profesor Mansor Ahmad, program itu bertujuan membantu memberi keceriaan kepada anak-anak bekas

kakitangan universiti itu.

"Kita sentiasa memastikan kebajikan anak-anak bekas kakitangan ini dijaga termasuklah membuat persiapan menjelang Aidilfitri.

"Perbelanjaan membeli baju raya ini juga hasil kutipan daripada kakitangan melalui Pusat Tanggungjawab UPM," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, salah seorang penerima, Mohd. Amir Arif Hanif, 15, berkata, beliau amat teruja dapat membeli baju baharu untuk dipakai pada hari lebaran.

"Saya berasa bersyukur dapat turut serta dalam program ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UPM kerana telah sudi membawa kami membeli-belah di sini," ujarnya.



SEBAHAGIAN anak-anak yatim ceria bergambar bersama sukarelawan UPM selepas dibawa membeli baju raya pada Program Semarak Putra Ramadan 2016 di Wisma Jakel, Kuala Lumpur semalam.